

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR**  
**BILANGAN 4/1980**

=====

**KEDUDUKAN PENYELIA DI SKIM RANCANGAN TANAH**  
**NEGERI SELANGOR**

-----

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan Pemungut Hasil Tanah dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (AJKKK) di semua Skim Rancangan Tanah Negeri Selangor mengenai kedudukan penyelia-penyelia di dalam Pentadbiran di Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Selangor.

2. Pada masa ini terdapat penyelia yang menjadi ahli didalam AJKKK di Skim Rancangan Tanah dimana penyelia tersebut bertugas dan terdapat juga penyelia yang tidak langsung menjadi ahli didalam AJKKK. Akibatnya terdapat kekeliruan dan salah faham diantara Penyelia dan Ahli Penyelia dan Ahli AJKKK serta terdapat jurang komunikasi (communication Gap) diantara Penyelia dan Ahli AJKKK serta peserta-peserta dengan pihak Kerajaan.

3. Satu keputusan telah dicapai didalam Mesyuarat Pentadbiran Pembangunan Skim Rancangan Tanah Negeri Selangor pada 21hb. Februari, 1980 iaitu Penyelia-penyelia dimestikan menjadi ahli jawatankuasa di dalam AJKKK ditempat penyelia tersebut ditugaskan secara automatik. Tujuannya ialah untuk meletakkan semua penyelia sebagai orang tengah diantara AJKKK dan peserta di satu pihak dengan Pejabat Tanah dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor di satu pihak yang lain. Semua urusan-urusan rasmi (Kerajaan) atau tidak rasmi hendaklah disalurkan melalui penyelia. Satu salinan surat-menyurat hendaklah dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan/atau Pejabat Tanah Daerah berkenaan supaya terdapat penyelarasan pentadbiran diantara pihak Kerajaan dengan AJKKK.

4. Kedudukan Ketua Kampung dan Penghulu di Skim Rancangan Tanah berkenaan tidak terjejas. Semua Ketua Kampung dan Penghulu yang terlibat hendaklah menyalurkan semua urusan melalui penyelia yang bertugas di Skim Rancangan Tanah Berkenaan. Perkara ini penting dilaksanakan supaya tidak timbul percanggahan pendapat dan salah faham diantara pihak-pihak yang terlibat didalam mengendalikan Skim Rancangan Tanah Negeri Selangor.

5. Pemungut Hasil Tanah, Penyelia dan AJKKK adalah dengan ini diminta mengambil perhatian yang sewajarnya kepada perenggan 3 & 4 dan hendaklah berkuatkuasa mulai 1hb. April 1980.

T.T  
**(DATUK RAJA BRIMA SULONG B. RAJA ROME)**  
Pengarah Tanah Dan Galian  
Selangor

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian  
Selangor,  
Shah Alam  
Tarikh : hb. Mac, 1980